




Berdasarkan carta alir di atas, lengkapkan dialog di bawah dengan ayat yang sesuai. Klik dan seret jawapan kamu ke tempat kosong yang disediakan.

Sekiranya haiwan mempunyai kegiatan yang tidak sesuai dengan tabiat pemakanannya, maka haiwan herbivor tidak dapat memotong rumput, haiwan karnivor tidak dapat mengoyakkan daging dan haiwan omnivor pula boleh mengoyakkan ikan dengan mudah tetapi tidak dapat memotong buah pisang.

Antara contoh haiwan yang mempunyai tabiat pemakanan seperti di atas ialah gajah dan lembu tergolong dalam kumpulan haiwan herbivor, singa dan buaya tergolong dalam kumpulan haiwan karnivor, manakala beruang, ayam dan monyet tergolong dalam kumpulan haiwan omnivor.

Kita boleh mengelaskan haiwan-haiwan ini berdasarkan tabiat pemakanannya.

Ayam ialah haiwan omnivor kerana boleh makan tumbuh-tumbuhan dan haiwan lain.

Farah: Rossa, tahukah kamu bahawa haiwan-haiwan mempunyai tabiat pemakanan yang berbeza?

Rossa: Oh, saya tidak tahu, Farah! Bagaimanakah kita boleh mengelaskan haiwan-haiwan ini?

Farah:

Rossa: Berdasarkan pengelasan di atas, bolehkah kamu berikan contoh haiwan yang mempunyai tabiat pemakanan seperti di atas?

Farah:

Rossa: Apakah tabiat pemakanan bagi ayam?

Farah:

Rossa: Sekiranya haiwan mempunyai kegiatan yang tidak sesuai dengan tabiat makannya, apakah yang mungkin berlaku?

Farah: